



KEMENTERIAN EKONOMI

Menara Prisma, No. 26, Persiaran Perdana, Presint 3
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62675 Putrajaya
MALAYSIA

Tel : 603-8090 2006
Faks : 603-8090 2300
Laman Web : www.ekonomi.gov.my

SULIT

Ruj. Kami : EPU.S.11-107/267/1 JLD 7 (3)
Tarikh : 22 Ogos 2024

Ketua Setiausaha
Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri
Menara MITI
No. 7, Jalan Sultan Haji Ahmad Shah
50480 KUALA LUMPUR
(u/p. Encik Kalithasan a/l Kaliappan
Bahagian Kewangan)

Tuan,

**PERMOHONAN NOTIS PERUBAHAN NO. 17 TAHUN 2024 BAGI PROGRAM
PEMBANGUNAN BAKAT TEMPATAN BAGI MENYOKONG EKOSISTEM
ELEKTRIK DAN ELEKTRONIK (E&E) (ACADEMY IN FACTORY - AiF DAN TRAIN
AND PLACE - TnP) OLEH PERBADANAN PRODUKTIVITI MALAYSIA (MPC)
(P24001020010001)**

Dengan hormatnya saya ingin merujuk kepada perkara di atas dan surat Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI) no. rujukan MITI.S.400-4/2/83(51) bertarikh 19 Julai 2024 adalah berkaitan.

2. Kementerian Ekonomi telah meneliti permohonan notis perubahan (NOC) No. 17 Tahun 2024 oleh MITI dan **bersetuju** dengan permohonan NOC tersebut untuk meminda butiran Pemilik Projek, Nama Projek, Skop, Objektif, Keterangan, Komponen, Kumpulan Sasar, Output, Outcome dan KPI bagi Program Pembangunan Bakat Tempatan Bagi Menyokong Ekosistem E&E (*Academy In Factory* dan *Train And Place*) seperti di Lampiran A.

3. Walau bagaimanapun, Kementerian Ekonomi tidak bersetuju dengan cadangan penambahan kos projek sebanyak RM6.69 juta bagi meningkatkan skala pelaksanaan program ini di bawah peruntukan pembangunan MITI RP5 tahun 2025 RMKe-12. Bagi menampung keperluan perbelanjaan tambahan dalam melaksanakan Program ini bagi tempoh tersebut, Perbadanan Produktiviti Malaysia dibenarkan untuk menggunkan baki komponen insentif Dana Khas Tahun 2023 Kementerian Ekonomi sebanyak RM6.69 juta. Sehubungan itu, Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC)

SULIT

SULIT

PERMOHONAN NOTIS PERUBAHAN NO. 17 TAHUN 2024 BAGI PROGRAM PEMBANGUNAN BAKAT TEMPATAN BAGI MENYOKONG EKOSISTEM ELEKTRIK DAN ELEKTRONIK (E&E) (ACADEMY IN FACTORY - AIF DAN TRAIN AND PLACE - TnP) OLEH PERBADANAN PRODUKTIVITI MALAYSIA (MPC) (P24001020010001)

EPU.S.11-107/267/1 JLD 7 (3)

selaku agensi pelaksana dipohon untuk menyelaraskan semula perincian kos bagi RP5 Tahun 2025 berdasarkan baki peruntukan asal sebanyak RM9.31 juta dan turut menyediakan perincian kos bagi keperluan peruntukan tambahan sebanyak RM6.69 juta menggunakan baki komponen insentif Dana Khas Tahun 2023 Kementerian Ekonomi. Perincian kos yang telah diselaraskan hendaklah dikemukakan kepada Kementerian Ekonomi sebagai tujuan dan bagi tujuan pemantauan.

4. Seperti amalan semasa, MITI hendaklah membuat permohonan dan kemaskini selanjutnya melalui Sistem MyProjek berdasarkan permohonan yang telah diluluskan bagi projek ini melalui modul notis perubahan (NOC) dalam tempoh seminggu dari surat kelulusan dikeluarkan. Kegagalan pihak MITI dalam mengemukakan NOC dalam tempoh tersebut akan menyebabkan kelulusan ini terbatal dengan sendirinya.

Perhatian dan kerjasama tuan mengenai perkara ini adalah amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



(DATUK DR. HANISAH HUSSIN)

Bahagian Industri Pembuatan, Sains dan Teknologi

b.p Ketua Setiausaha

Kementerian Ekonomi

☎ 03-8090 2403 | ✉ hanisah.hussin@ekonomi.gov.my